

10 NOV 1999

Tinjauan

ORANG RAMAI SETUJU PILIHAN RAYA SEBELUM BULAN RAMADAN

ALOR SETAR, 10 Nov (Bernama) -- Orang ramai yang ditemui di sekitar Alor Setar bersetuju dengan pembubaran Parlimen esok bagi membolehkan pilihan rayu umum ke-10 diadakan sebelum Ramadan ini.

Peniaga Hussin Darus, 40, berkata cadangan itu amat tepat memandangkan bulan Ramadan patut dimuliakan dan tidak wajar dipenuhi dengan kempen yang mencemarnya, semata-mata untuk tujuan politik.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam sidang berita di Putrajaya petang ini mengumumkan pembubaran Parlimen berkuatkuasa esok.

Dr Mahathir berkata beliau pada mulanya bercadang untuk mengadakan pilihan raya selepas Hari Raya Aidilfitri Januari depan tetapi mendapat inspirasi baru semalam untuk membubarkan parlimen esok supaya pilihan raya umum dapat diadakan sebelum bermulanya puasa yang dijadualkan 9 Dis ini.

Beliau berkata kempen yang tidak diingini seperti fitnah-memfitnah serta memaki hamun, bohong dan kata-kata kesat yang dilemparkan amat tidak sesuai dalam bulan Ramadan.

Hussin berkata perbuatan berkempen dengan menggunakan kata-kata kesat boleh mengurangkan fadilat puasa dan ia juga melambangkan sikap tidak tahu menghormati bulan puasa.

"Kita bukan sahaja kena berpuasa dari makan dan minum tetapi juga kita wajib menahan diri daripada melakukan perkara-perkara yang tidak baik seperti memaki hamun dan sebagainya," katanya.

Kakitangan kerajaan Roslan Majid, 37, berkata keputusan Perdana Menteri amat tepat dan melambangkan sifat menghormati bulan puasa itu oleh pemimpin tertinggi kerajaan itu.

"Inilah pemimpin yang sebenarnya...tahu menghormati bulan mulia, tidak seperti sesetengah pemimpin tertentu yang kononnya bercakap tentang Islam tetapi dalam masa yang sama mengamalkan kata-kata kesat," katanya.

Pemandu teksi Baharuddin Omar, 52, berkata beliau tidak terkejut dengan pembubaran Parlimen esok dan bangga kerana Perdana Menteri benar-benar menghormati bulan Ramadan.

"Saya rasa wajar pilihan raya dijalankan sebelum bermulanya bulan puasa...lagi pun, persediannya telah lama dibuat," katanya.

-- BERNAMA

MAN RI